



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

MEMORANDUM

BAHAWASANYA Mesyuarat Agung Khas [Extraordinary General Meeting (EGM)] Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) yang telah diadakan pada 18 April 2022 bersamaan 16 Ramadan 1443 Hijrah, bertempat di Hotel New World Petaling Jaya, Paradigm 1, Jalan SS7/26A, Kelana Jaya, Petaling Jaya, Selangor, telah sebulat suara mengambil ketetapan berikut:

BAHAWA kami, ahli-ahli PIKM yang terdiri dari Pemilik syarikat keselamatan yang menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan dan siasatan yang dilesenkan oleh Kementerian Dalam Negeri, mengemukakan permohonan berikutan keputusan kerajaan menetapkan kenaikan Gaji Minimum kepada RM1,500.00 seperti berikut:

- Pertama:** **MERAYU** kerajaan **MENANGGUHKAN** pelaksanaan Gaji Minimum RM1,500.00 khususnya bagi sektor perkhidmatan kawalan keselamatan, sehingga Kerajaan mula membayar kadar harga berdasarkan kadar harga selepas pelarasan.
- Kedua:** Mengekalkan gaji pokok RM1200.00 dan beza kenaikan Gaji Minimum (RM300 / RM400) dijadikan sebagai bayaran (**Cost of Living Allowance**) **COLA**. Bayaran lebih masa (*overtime*) berdasarkan gaji pokok RM1200.
- Ketiga:** **MEMOHON** Kerajaan **MENYEGERAKAN** bayaran semua tunggakan pelarasan perintah gaji minimum dan tunggakan pembayaran inbois perkhidmatan. (**Nota:** Mengikut rekod PIKM sehingga Mac 2022, anggaran sejumlah RM54 juta tunggakan pelarasan perintah gaji minimum masih tertunggak. Manakala, anggaran RM190 juta meliputi tunggakan pembayaran inbois perkhidmatan).
- Keempat:** Untuk PIKM mewakili Majikan yang terdiri dari Pengusaha Syarikat Kawalan Keselamatan yang berlesen diterima sebagai anggota **Majlis Perundangan Gaji Negara**.
- Kelima:** Memuatkan peruntukan **KUASA MENTERI** terhadap pengawalan harga lantai perkhidmatan kawalan keselamatan bagi pengubalan Akta Agensi Persendirian, 1971. Menteri diberi kuasa membuat peruntukan secara am bagi maksud melaksanakan Akta Agensi Persendirian (Seksyen 18).
- Keenam:** **MERAYU** Kerajaan **MENYEGERAKAN** pelarasan kadar harga secara automatik bagi kontrak yang sedang berjalan dan menggunakan mekanisma pengiraan kadar harga yang munasabah bagi penyediaan perkhidmatan kawalan keselamatan, dan
- Ketujuh:** **MEMOHON** kerajaan membenarkan PIKM mencadangkan kepada ahli-ahlinya harga yang munasabah untuk berunding dengan pelanggan swasta. Jika ahli-ahli terpaksa menyerap kenaikan kos ia akan menjejaskan aliran tunai syarikat dan membawa kesan negatif kepada syarikat serta pekerja.